

# 3

## Pelabelan



## MENGAPA PERLU MENGGUNAKAN LABEL?

- Mengenalpasti pengeluar yang mengeluarkan hasil pertanian
- Memberi maklumat kepada jabatan atau agensi mengenai sumber, kuantiti dan jumlah pengeluar dan jenis bekalan
- Pelengkap kepada penguatkuasaan kawalan sisa baki racun dalam Akta Makanan 1983
- Meningkatkan daya saing keluaran tempatan di pasaran
- Memenuhi peraturan perdagangan antarabangsa

## CIRI-CIRI PELABELAN YANG BETUL

A. Label yang ditandakan atau dilekatkan hendaklah:

- Bersaiz TIDAK KURANG dari 11cm x 7cm
- Ditanda/dilekatkan dengan kemas dan mudah dilihat di permukaan atas atau sisi bungkus

B. Label hendaklah mengandungi maklumat berikut:

- Nama dan alamat perniagaan pengimport, pengekspor, ejen, pengeluar atau pengedar, mengikut mana-mana yang berkenaan, keluaran pertanian
- Nama biasa keluaran pertanian
- Standard gred keluaran pertanian
- Saiz keluaran pertanian
- Negara asal keluaran pertanian
- Berat bungkus keluaran pertanian; dan
- Perkataan "Produce of Malaysia", jika keluaran pertanian hendak dieksport

## Borong & Runcit



## PEMATUHAN JUALAN SECARA BORONG

- Keluaran pertanian digred, dibungkus dan dilabel mengikut keperluan Peraturan GPL

## PEMATUHAN JUALAN SECARA RUNCIT

- Keluaran pertanian digred, dibungkus dan dilabel mengikut keperluan Peraturan GPL
- Bagi keluaran pertanian yang dipamer untuk jualan tanpa pembungkusan, hendaklah diletak penanda berdekatan keluaran pertanian tersebut, mengandungi butiran seperti berikut :-

- 1) Nama Keluaran Pertanian
- 2) Gred
- 3) Saiz
- 4) Negara Asal

• Komoditi yang dipamer untuk jualan runcit dibenarkan bercampur dari segi saiz **tetapi** tidak boleh bercampur dari segi gred. Penandaan pada ruangan saiz hendaklah ditulis "N.A."

Contoh : Tomato **Gred Premium bersaiz L** dan **bersaiz M** boleh dipamer untuk jualan dalam bekas yang sama. Penandaan pada label hendaklah ditulis seperti berikut :

Nama Keluaran	:	Tomato
Gred	:	Premium
Saiz	:	N.A.
Negara Asal	:	Cameron Highlands, Malaysia



# GPL

GRADING • PACKAGING • LABELLING  
PengGredan, Pembungkusan, PeLabelan

## PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PENGGREDAN, PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN KELUARAN PERTANIAN) 2008





KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANAH

# GPL

GRADING • PACKAGING • LABELLING  
PengGredan, Pembungkusan, PeLabelan

**Maklumat boleh didapati :**



[www.fama.gov.my](http://www.fama.gov.my)  
[www.e3p.fama.gov.my](http://www.e3p.fama.gov.my)



Facebook : peraturanGPL



email : [fama@fama.gov.my](mailto:fama@fama.gov.my)



Twitter : @peraturanGPL

**PengGredan, Pembungkusan & PeLabelan adalah satu peraturan yang memastikan segala penjualan keluaran pertanian secara borong dan runcit digred, dibungkus dan dilabel sebelum dipasarkan di pasaran tempatan, dieksport atau diimport.**



Keluaran pertanian hendaklah digred berpaduan spesifikasi gred Malaysian Standard (MS). Jika keluaran pertanian tiada spesifikasi MS, hendaklah berpaduan kepada standard gred negara asal atau standard gred yang dinyatakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

## CIRI-CIRI YANG MENENTUKAN GRED

- Kematangan seragam
- Kesegaran
- Bebas daripada kecacatan
- Bebas daripada kerosakan
- Saiz yang seragam

## FAEDAH MENGRED

- Menjamin kualiti hasil yang dipasarkan
- Kualiti yang seragam
- Meningkatkan kecekapan pengguna
- Memenuhi citarasa pengguna
- Mengelakkan penipuan
- Mewujudkan persaingan untuk meningkatkan kualiti
- Mengurangkan kerugian dan pembaziran
- Bersaing dalam pasaran global yang kompetitif
- Memastikan hasil pertanian selamat digunakan



## KRITERIA YANG PERLU ADA PADA PEMBUNGKUSAN IALAH :

- Bungkusan mempunyai ukuran bersesuaian dengan kuantiti keluaran pertanian
- Keluaran pertanian daripada jenis dan standard yang sama
- Tidak melebihi 30 kilogram
- Memenuhi ciri-ciri kualiti, kebersihan dan ketahanan
- Diperbuat daripada bahan yang tidak merbahaya

## PERANAN PEMBUNGKUSAN

- Melindungi produk
- Menarik perhatian pengguna
- Memudahkan pengendalian
- Memperkenalkan produk

## CIRI-CIRI PEMBUNGKUSAN YANG BAIK

- Kukuh
- Cukup pengudaraan
- Tidak merosakkan atau mencacatkan kualiti produk
- Memberi perlindungan optimum
- Sesuai dengan keadaan fizikal barang
- Tidak terlalu besar dan mudah dikendalikan
- Rekabentuk sesuai dan menarik
- Barang mudah dilihat
- Mengandungi gred dan saiz yang sama
- Mesra alam sekitar
- Tidak memudaratkan kesihatan
- Mempunyai label